

ISU

Ekonomi lembap punca tiada kerja

BARU-BARU ini sebuah akhbar memaparkan kisah seorang pemuda lepasan Diploma Kejuruteraan Awam dari sebuah politeknik di Sarawak yang terpaksa bekerja sebagai pengawal keselamatan.

Pemuda berumur 27 tahun itu mengambil keputusan membuang perasaan malu dengan memilih kerja yang tidak bersesuaian dengan kelayakannya selepas lima bulan menganggur.

Ia ekoran daripada pekerjaannya sebagai jurutera projek dengan Petronas di Bintulu tidak disambung selepas tamat kontrak akibat masalah penurunan harga minyak dunia tahun lalu.

Situasi yang dilalui pemuda tadi hakikatnya dialami oleh sebahagian besar tenaga kerja terutamanya golongan remaja di luar sana.

Harga minyak

Fenomena ini berlaku disebabkan banyak faktor. Antaranya ialah kelembapan ekonomi global dan penurunan harga minyak dunia sepanjang tahun lalu.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan berkata, keadaan ekonomi yang perlahan ketika ini menyebabkan keupayaan



KELEMBAPAN ekonomi global memberi kesan kepada kadar pengangguran negara. – Gambar hiasan

majikan mewujudkan peluang pekerjaan terbatas.

Beliau berpendapat, kebanyakan majikan di negara ini menghadkan penawaran pekerjaan baharu terutamanya pada peringkat eksekutif.

“Kebanyakan syarikat cuba mengekalkan jumlah pekerja yang sedia ada. Jika terdapat pekerja yang diberhentikan, syarikat tidak akan menggantikannya.

“Terdapat juga syarikat yang memilih menggunakan teknologi baharu bagi mengurangkan penggunaan tenaga buruh dalam proses penyediaan produk atau perkhidmatan,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!*

Menurut Shamsuddin, syarikat-syarikat yang mengalami masalah kewangan yang terlalu teruk, mereka akan mengambil tindakan memberhentikan pekerja.

Jelasnya, langkah tersebut sedikit sebanyak dapat mengurangkan kos operasi sekali gus menjamin kelangsungan sesebuah syarikat.

“Situasi yang berlaku ini memberi kesan kepada

kadar pengangguran negara terutama golongan remaja dalam kalangan lepasan institusi pengajian tinggi (IPT).

“Data yang diperoleh MEF mendedahkan, kadar pengangguran dalam lingkungan umur 18 hingga 24 tahun adalah tiga kali ganda lebih tinggi daripada kadar pengangguran keseluruhan,” katanya.

Adakah masalah ini akan terus mengganggu Malaysia pada masa depan? Apakah langkah yang perlu diambil oleh graduan dalam menghadapi situasi ini?

Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Zaid Ahmad memberitahu, situasi

yang berlaku ketika ini tidak akan berlarutan untuk tempoh jangka panjang.

Jelasnya, sebagai sebuah negara sedang membangun yang mengamalkan dasar ekonomi terbuka, Malaysia berpeluang untuk menarik kemasukan pelabur asing dari luar negara.

“Berbeza dengan negara maju yang ekonominya sudah tepu, Malaysia masih

mempunyai ruang untuk menarik kemasukan pelabur asing.

Pulih

“Kemasukan pelabur asing ini dapat mewujudkan peluang pekerjaan baharu sekali gus mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia,” katanya.

Dia memberitahu, sebelum ekonomi negara kembali pulih seperti sedia kala, para graduan boleh menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Jelasnya, pihak IPT perlu mempersiapkan para pelajar mereka dengan ilmu berkaitan keusahawanan sebelum bergelar graduan.

“Semua IPT telah mewajibkan para pelajar mengambil subjek keusahawanan. Ia diwujudkan sebagai persediaan kepada graduan jika gagal mendapat pekerjaan.

“Kini, pendidikan bukan lagi tiket kepada seseorang menjawat jawatan tertentu. Ia tidak lebih daripada proses untuk memahirkan seseorang,” terangnya.



SHAMSUDDIN



ZAID



ILMU berkaitan keusahawanan adalah sebagai persiapan masa depan bagi golongan graduan. – Gambar hiasan